

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April 2001

ATW 261 - Prinsip Kewangan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Sila gunakan kertas graf yang disediakan untuk menjawab soalan 4 dan soalan 6.

Soalan 1

(a) Daniel LaRusso merancang menyimpan RM2,000 ke dalam akaun simpanannya di Bank Bumi-Commerce Bhd. Kadar faedah nominal yang ditawarkan oleh bank tersebut ialah 8 peratus.

1. Berapakah baki simpanan beliau pada akhir tahun ke 10 jika faedah dikompaun secara:

- i. tahunan
- ii. separa-tahunan
- iii. harian (gunakan 360 hari setahun)
- iv. berterusan (*continuously*)

2. Berapakah kadar faedah efektif bagi setiap tempoh kompaun dalam 1 di atas?

3. Bagaimanakah bilangan kompaun memberikan kesan kepada nilai hadapan dan kadar faedah efektif bagi sesuatu deposit? Jelaskan jawapan anda berdasarkan jawapan anda dalam 1 dan 2.

[14 markah]

(b) Purata harga sebuah pangsapuri kos sederhana di Pulau Pinang sekarang ialah RM85,000 dan dijangka meningkat 6 peratus setahun. Jika anda merancang membeli sebuah dari pangsapuri ini pada akhir tahun ke 20, berapakah yang anda perlu depositkan setiap tahun ke dalam satu akaun supaya pada ketika itu, anda mempunyai cukup wang untuk membelinya secara tunai. Anggapkan akaun ini membayar faedah 10 peratus setahun.

[6 markah]

Soalan 2

(a) Anda mempunyai satu portfolio yang mengandungi aset P, Q dan R yang mempunyai pulangan dijangka 12%, 15% dan 19% dan wajaran (*weightage*) sebanyak 25%, 35% dan 40% masing-masing. Kira pulangan dijangka bagi portfolio ini.

[4 markah]

(b) Satu aset Z mempunyai beta 1.20. Jika pulangan pasaran turun sebanyak 15 peratus, apakah kesan penurunan ini kepada pulangan aset Z? Bagaimana jika tiada sebarang perubahan berlaku kepada pulangan pasaran? Adakah aset ini lebih tinggi atau lebih rendah risiko berbanding pasaran? Jelaskan.

[5 markah]

[ATW261]

- (c) Kira pulangan perlu bagi satu aset T yang mempunyai beta 0.90 bila pulangan aset bebas-risiko dan pasaran adalah 8 peratus dan 12 peratus masing-masing.

[3 markah]

- (d) Kira beta bagi satu aset S yang mempunyai pulangan perlu 15 peratus. Anggapkan pulangan pasaran adalah 12.5 peratus dan premium risiko pasaran adalah 2.5 peratus.

[4 markah]

- (e) Secara ringkas, jelaskan apakah yang cuba diterangkan oleh model penentuan harga aset modal (CAPM)

[4 markah]

Soalan 3

- (a) Autotiga, syarikat pembuat kereta, membayar dividen RM1.80 sesaham. Berdasarkan data-data pasaran, anggaran pulangan perlu firma ini ialah 12 peratus. Kira nilai setiap saham Autotiga berdasarkan andaian-andaian di bawah:

1. Dividen dijangka bertumbuh pada kadar tahunan 0 peratus untuk selama-lamanya.
2. Dividen dijangka bertumbuh pada kadar tahunan secara konstan sebanyak 5 peratus untuk selama-lamanya.
3. Dividen dijangka bertumbuh pada kadar tahunan sebanyak 5 peratus untuk tiga tahun akan datang, diikuti dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 4 peratus pada tahun-tahun seterusnya.

[10 markah]

- (b) Terdapat dua bon yang kedua-duanya mempunyai nilai par RM1,000 dan faedah kupon 11 peratus yang dibayar secara tahunan. Bon A mempunyai 5 tahun lagi sebelum matang, manakala bon B mempunyai 15 tahun.

1. Kira nilai bon A jika pulangan perlunya adalah (i) 8 peratus, (ii) 11 peratus dan (iii) 14 peratus
2. Kira nilai bon B jika pulangan perlunya adalah (i) 8 peratus, (ii) 11 peratus dan (iii) 14 peratus
3. Dari jawapan anda dalam 1 dan 2 di atas, bincangkan perhubungan di antara tempoh sehingga matang dan perubahan pulangan perlu.

[10 markah]

Soalan 4

- (a) AlmaJaya Enterprise sedang meneliti dua projek yang saling menyingkiri. Jangkaan aliran tunai kedua-dua projek adalah seperti dalam jadual di bawah. Firma ini mempunyai kos modal 12 peratus.

	Projek A	Projek B
Pelaburan awal	RM130,000	RM85,000
Tahun	Jangkaan aliran tunai	
1	RM25,000	RM40,000
2	35,000	35,000
3	45,000	30,000
4	50,000	10,000
5	55,000	5,000

1. Kira nilai kini bersih setiap projek. Projek manakah yang patut dipilih?
2. Kira kadar pulangan dalaman setiap projek. Projek manakah yang patut dipilih?
3. Lakarkan profil nilai kini bersih bagi kedua-dua projek di atas profil yang sama.
4. Bincangkan ranking kedua-dua projek berdasarkan jawapan anda dalam 1, 2 dan 3 di atas. Terangkan jawapan anda dalam konteks jangkaan aliran tunai projek.

[15 markah]

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kos hangus (sunk cost) dan kos melepas (opportunity cost)? Apakah kesan kedua-dua kos ini dalam penganggaran jangkaan aliran tunai projek?

[5 markah]

Soalan 5

- (a) Syarikat MegaMoney mempunyai sasaran struktur modal seperti berikut:

Sumber modal	Sasaran struktur modal berdasarkan nilai pasaran
Hutang jangka-panjang	30%
Saham terutama	15%
Saham biasa	55%
Jumlah	100%

Kos hutang dianggarkan sebanyak 7.2 peratus, kos saham terutama sebanyak 13.5 peratus, kos perolehan tertahan sebanyak 16.0 peratus, dan kos menerbitkan saham biasa baru sebanyak 18.0 peratus. Kesemua kos ini berdasarkan anggaran selepas cukai. Pada masa kini, hutang mewakili 25 peratus dari modal keseluruhan firma, manakala saham terutama dan saham biasa mewakili 10 dan 65 peratus masing-masing, berdasarkan nilai pasaran. Firma mempunyai perolehan tertahan yang mencukupi untuk dilaburi dalam projek-projek akan datang, dan tidak perlu menerbitkan saham baru.

1. Kira purata kos modal berwajaran (WACC) firma ini berdasarkan nilai pasaran menggunakan wajaran semasa (*current weights*)
2. Kira purata kos modal berwajaran (WACC) firma ini berdasarkan nilai pasaran menggunakan wajaran sasaran (*target weights*).

[14 markah]

- (b) Kajian mendapati bahawa kebanyakan firma dalam industri yang sedang berkembang (*growth industry*) mempunyai nisbah pembayaran dividen yang lebih kecil berbanding firma dalam industri yang sudah matang (*matured industry*). Kenapakah hal ini berlaku?

[6 markah]

Soalan 6

Pengkalen Bhd. sedang menimbang dua struktur modal. Beberapa maklumat adalah diberi dalam jadual di bawah. Andaikan kadar cukai 40 peratus.

Sumber modal	Struktur Y	Struktur Z
Hutang jangka-panjang	RM100,000 pada kadar kupon 16%	RM200,000 pada kadar kupon 17%
Saham biasa	4,000 unit	2,000 unit

Dengan menggunakan dua tahap perolehan sebelum faedah dan cukai (EBIT), iaitu RM50,000 dan RM60,000, jawab yang berikut:

1. Kira dua koordinat EBIT-EPS (perolehan sebelum faedah dan cukai – perolehan sesaham) bagi kedua-dua struktur modal. (Gunakan kedua-dua tahap EBIT yang diberi, dan cari nilai EPS)
2. Plotkan kedua-dua struktur modal ini di atas graf EBIT-EPS yang sama.
3. Berdasarkan graf anda, jelaskan struktur modal yang menghasilkan EPS yang lebih tinggi.
4. Jika firma yakin EBIT akan melebihi RM75,000, struktur modal yang manakah yang firma ini sepatutnya pilih? Kenapa?

[20 markah]

